

KEBENARAN MENJALANKAN PEKERJAAN LUAR (LOKUM) BAGI PEGAWAI FARMASI KKM

Butir-butir Pemohon			
Nama			
No. Kad Pengenalan			
No. Telefon	Pejabat	Telefon Bimbit	Rumah
No. Pendaftaran Penuh		No. Sijil Tahunan Bagi Tahun Semasa	
Butir-butir Perkhidmatan			
Jawatan		Gred	
Tarikh Lantikan			
Tempat Bertugas			
Butir-butir Pekerjaan Luar			
Nama Syarikat			
Alamat Premis			
Nama Pemegang Lesen A Premis			
Saya mengaku bahawa maklumat di atas adalah benar. Saya berjanji akan mengutamakan perkhidmatan hakiki saya sebagai penjawat awam dan sedia dipanggil bertugas pada bila-bila masa dan saya faham bahawa kelulusan lokum ini berhak ditarik balik pada bila-bila masa.			
Tarikh		Tandatangan Pegawai	
Permohonan disokong/ tidak disokong. (Tandatangan Ketua Bahagian/ Unit) Cop Rasmi: Tarikh:			
KEPUTUSAN Permohonan diluluskan / tidak diluluskan. (Tandatangan Ketua Jabatan) Cop Rasmi: Tarikh:			

Penafian:

- Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM dan Kerajaan Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kes-kes '*medico-legal*' yang mungkin terjadi semasa pegawai menjalankan pekerjaan luar (lokum) dan ianya adalah merupakan tanggungjawab pegawai tersebut sepenuhnya.
- Kelulusan daripada Ketua Jabatan tidak merangkumi kelulusan untuk mendapatkan Lesen A. Pengeluaran Lesen A adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di Bahagian II.

GARIS PANDUAN MEMOHON KEBENARAN KETUA JABATAN UNTUK MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR (LOKUM)

DEFINISI

1. **Ketua Jabatan**

Seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan, institusi, agensi atau unit dan termasuklah mana-mana pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi kementerian, jabatan, institusi, agensi atau unit untuk bertindak bagi pihaknya.

Sokongan dan kelulusan bagi permohonan lokum pegawai farmasi KKM adalah seperti berikut:

Tempat bertugas	Permohonan perlu disokong oleh:	Permohonan perlu diluluskan oleh:
Hospital	Ketua Pegawai Farmasi	Pengarah Hospital
Klinik Kesihatan	Pegawai Farmasi PKD	Pegawai Kesihatan Daerah
Jabatan Kesihatan Negeri	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)	Pengarah Kesihatan Negeri

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pelaksanaan lokum bagi Pegawai Farmasi KKM adalah mengikut prinsip umum seperti berikut:

1. Terbuka kepada semua:-
 - i. Pegawai Farmasi KKM lantikan tetap; dan
 - ii. Telah tamat tempoh perkhidmatan wajib dengan Kerajaan.
2. Boleh dijalankan di **farmasi komuniti sahaja**.
3. Boleh dijalankan hanya selepas waktu pejabat, pada hari kelepasan am dan cuti hujung minggu.

Pegawai Farmasi perlu melengkapkan borang BPF/302-LOKUM2 dan mendapatkan kebenaran daripada Ketua Jabatan masing-masing serta mengemukakan permohonan mendapatkan Lesen A di Cawangan Penguatkuasa Negeri yang berkenaan.

4. Bagi pegawai farmasi yang ingin melakukan lokum bukan di negeri di mana pegawai tersebut bertugas, satu salinan Borang BPF/302-LOKUM2 yang telah diluluskan oleh Pengarah Hospital/Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Kesihatan Negeri hendaklah dihantar kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) di mana pegawai itu bertugas.
5. Kebenaran melakukan lokum adalah terbatal secara automatik apabila pegawai farmasi berpindah tempat kerja. Pegawai Farmasi perlu mendapatkan kebenaran dari Ketua Jabatan yang baru sekiranya masih ingin melakukan lokum.
6. Tempoh sah laku bagi kebenaran melakukan lokum adalah selama setahun iaitu sama dengan tempoh sah laku bagi Lesen A.
7. Pegawai perlu mematuhi *Code of Conduct for Pharmacists and Bodies Corporate* oleh Lembaga Farmasi Malaysia.
8. Pegawai perlu mematuhi Peruntukan-peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
9. Pegawai bertanggungjawab penuh ke atas dirinya semasa menjalankan lokum dan tidak akan membabitkan Kerajaan. Oleh itu, pegawai digalakkan mempunyai insurans bagi perlindungan sekiranya berlaku/timbul kes-kes *medico-legal* semasa menjalankan lokum.
10. Lokum hanya dibenarkan dijalankan di farmasi komuniti yang berlesen dan berdaftar. Pegawai farmasi juga perlu memastikan bahawa premis yang dimohon sebagai tempat melakukan lokum adalah bebas dari sebarang tindakan undang-undang.
11. Lokum tidak boleh diamalkan di farmasi komuniti di mana pegawai mempunyai kepentingan seperti mempunyai saham dan sebagainya.
12. Lokum tidak boleh dijalankan semasa pegawai dikehendaki menjalankan tugas-tugas rasmi atau tugas atas panggilan.
13. Pegawai Farmasi yang menjalankan lokum juga bertanggungjawab untuk merekod aktiviti lokum yang dilakukan dengan menggunakan rekod aktiviti lokum. Rekod aktiviti lokum ini perlu ditandatangani oleh Ketua Jabatan masing-masing setiap akhir bulan bagi tujuan pemantauan aktiviti lokum pegawai. Fail rekod aktiviti lokum perlu disimpan oleh pegawai farmasi yang dipertanggungjawabkan di setiap jabatan farmasi.

14. Adalah menjadi tanggungjawab pegawai untuk mengisytiharkan pendapatan yang diperoleh melalui lokum kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
15. Keistimewaan ini tidak meliputi:
 - i. Pegawai Farmasi Provisional
 - ii. Pegawai Farmasi warga asing
 - iii. Pegawai Penguatkuasa Farmasi
16. Ketua Jabatan berhak membatalkan kebenaran melakukan lokum pada bila-bila masa sekiranya pegawai farmasi didapati melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN RACUN JENIS A BAGI PEGAWAI FARMASI KKM YANG
INGIN MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR (LOKUM)**

1. Pemohon telah mengisi borang permohonan dengan lengkap
2. Pemohon tidak memegang lesen racun di premis lain.
3. Pemohon perlu melampirkan dokumen-dokumen berikut:
 - i. Salinan perakuan pendaftaran sebagai ahli farmasi
 - ii. Salinan sijil tahunan ahli farmasi
 - iii. Salinan Kad Pengenalan
 - iv. Gambar berukuran passport (*bagi pemohon yang pertama kali membuat permohonan bagi premis yang dinyatakan*).
 - v. Kebenaran bertulis asal yang sah daripada Ketua Jabatan (Borang BPF/302-LOKUM2 yang telah lengkap dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan) untuk menjalankan pekerjaan luar sepertimana diperuntukkan di dalam Perintah Am, Bab D, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
 - vi. Surat setuju terima asal daripada majikan/pengarah syarikat untuk menggaji Pegawai Farmasi berkenaan.
 - vii. Bagi Pegawai Farmasi KKM warga Semenanjung yang bertugas di Sabah/Sarawak atau Pegawai Farmasi KKM warga Sarawak yang bertugas di Sabah atau Pegawai Farmasi KKM warga Sabah yang bertugas di Sarawak, permohonan mesti disertakan dengan permit kerja daripada Imigresen Malaysia.
4. Bagi tujuan pembaharuan lesen untuk tahun berikutnya, semua perkara yang dinyatakan di dalam perenggan 3 perlu disertakan semula dengan kebenaran Ketua Jabatan yang terkini.